

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/1998**

**Februari 1998**

**PGT 401 - Perkembangan dan Penguasaan Kemahiran  
Berbahasa dan Matematik**

**(Masa: 3 jam)**

---

**Baca arahan-arahan di bawah dengan teliti:**

Kertas ini mempunyai **DUA (2)** bahagian: **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Semua calon dikehendaki menjawab soalan **NOMBOR SATU (1)** dan **tiga** lagi soalan dari Bahagian A, dan **satu** soalan dari Bahagian B.

Mulakan jawapan anda dalam helaian kertas yang baru.

**BAHAGIAN A**

1. Perkembangan dan penguasaan bahasa terutama pada kanak-kanak adalah dikaitkan dengan **TIGA** teori atau pandangan yang tersebut di bawah:

- a) teori behaviuris atau teori pemupukan.
- b) teori mentalisma atau semulajadi.
- c) teori interaksi sosial dan peribadi.

Dengan memberi contoh-contoh, pilih satu daripada teori yang tersebut dan bincangkan dalam kontek pengajaran bahasa di sekolah-sekolah rendah Malaysia.

**(20 markah)**

**...2/-**

2. Pendidikan prasekolah dan pendidikan rendah di Malaysia menekankan pengembangan literasi di kalangan kanak-kanak.
- Apakah matlamat pengembangan literasi tersebut?
  - Kemukakan cadangan-cadangan yang sesuai bagi mengembangkan literasi di kalangan kanak-kanak pada tahap prasekolah hingga tahap 1 sekolah rendah.

(20 markah)

3. Dalam proses menulis, perlu adanya dan berlaku suasana bertukar-tukar ilham dan maklumat, perbincangan (bersendirian atau dengan orang lain), pembetulan dan sebagainya. K.S. Goodman et.al. (1987) menyatakan;

“.....teachers must plan for time to perceive and to ideate before and during the writing.”

Berasaskan pernyataan di atas bincangkan TIGA cara bagaimana penulisan bahasa kanak-kanak sekolah rendah dapat dilaksanakan.

(20 markah)

4. Program bahasa di sekolah rendah meliputi pengajaran kemahiran bahasa yang dibahagikan kepada tahap I dan tahap II.
- Apakah penekanan pengajaran bahasa pada tahap I dan tahap II.
  - Nyatakan langkah-langkah yang sesuai bagi membantu murid menguasai kemahiran belajar dan kemahiran berfikir di sekolah rendah.

(20 markah)

...3/-

5. Kejayaan mengajar "Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua" di sekolah rendah Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor berikut:
- a) pendedahan kepada bahasa itu
  - b) galakkan dan penunjukkan minat
  - c) konteks bahasa
  - d) pengukuhan.

Tulis dengan ringkas (4-5 ayat) mengenai tiap-tiap satu faktor tersebut.

(20 markah)

...4/-

**BAHAGIAN B**

Jawab soalan 6 ATAU soalan 7.

6. (a) Nyatakan EMPAT prinsip asas dalam teori pembelajaran matematik seperti yang dikemukakan oleh Zoltan P. Dienes

(8 markah)

- (b) Bincangkan bagaimana prinsip kepelbagaian dalam persepsi (perceptual variability) mempengaruhi pembelajaran matematik kanak-kanak.

(12 markah)

7. "Kanak-kanak bukanlah orang dewasa yang kecil. Oleh itu, mereka tidak boleh dilayan sedemikian dalam situasi pembelajaran."

"Children are not little adults, therefore they cannot be treated as such in the learning situation" (Piaget, 1977).

Berasaskan petikan di atas, bincangkan sekurang-kurangnya **EMPAT** faktor yang perlu diberi pertimbangan dalam pengajaran matematik bagi kanak-kanak peringkat sekolah rendah.

(20 markah)

- 0000000 -